

30 SEP 2000

SULTAN MIZAN HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA CHINA

KUALA LUMPUR, Sept 30 (Bernama) -- Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin telah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden China Jiang Zemin sempena ulang tahun ke-51 penubuhan Republik Rakyat China esok.

Menurut Wisma Putra, Sultan Mizan, dalam perutusan itu bertitah bahawa Malaysia menghargai hubungan Malaysia-China yang telah lama terjalin yang berkembang meliputi pelbagai bidang kerjasama.

Dalam perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya dari China, Zhu Rongji, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahuirkan harapan semoga hubungan itu akan bertambah kukuh berikutan peneraian "Kenyataan Bersama mengenai Rangka Hubungan Masa Depan" oleh kedua-dua negara tahun lepas.

Dr Mahathir berkata: "Saya percaya Malaysia dan China akan memberi sumbangan positif bagi memperjuangkan kepentingan negara-negara membangun dalam era globalisasi."

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, dalam perutusan kepada Menteri Luar China, Tang Jiaxuan, berkata kedua-dua negara boleh memainkan peranan penting ke arah mewujudkan keamanan, kemakmuran dan kestabilan di rantau itu.

-- BERNAMA

GM ES RM FAZ